

BERITA HARIAN

DATE: 3 / 9 / 2009

## Kakak Dr Mahathir selamat disemadi

BH - 3/9/2009.



DR MAHATHIR bersama Ahmad Mustapha Hassan, anak tunggal Allahyarham, menabur bunga di atas pusara Rafeah selepas dikebumikan, semalam.

**A**LOR SETAR: Jenazah kakak sulung bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Rafeah yang meninggal dunia malam kelmarin selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Akar Peluru di sini, pagi semalam.

Jenazah Rafeah dibawa dari rumah anak saudaranya, Datin Yasmin Mashahor dengan diiringi sanak saudara, termasuk Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta anak mereka Datuk Mukhriz dan Datin Paduka Marina di Jalan Pegawai untuk disembahyangkan di Masjid Al-Ghufran, Akar Peluru.

Jenazahnya dikebumikan kira-kira jam 11 pagi.

Rafeah, 94, dimasukkan ke Pusat Perubatan Kedah (KMC) selepas mengadu sukar bernafas kira-kira jam 6 petang kelmarin sebelum menghembuskan nafas terakhir pada jam 9.45 malam.

Turut hadir Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

BERNAMA